

02 NOV 2002

Mahathir-Pengundi

KIRA-KIRA 2.8 JUTA PENGUNDI BERDAFTAR DIPINDAHKAN

PULAU PINANG, 2 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini mendedahkan bahawa seramai 2.8 juta pengundi berdaftar dipindahkan ke kawasan lain yang tiada kena mengena dengan mereka oleh pihak tertentu.

Kajian yang dibuat terhadap senarai daftar pemilih menunjukkan bahawa pengundi-pengundi berkenaan tidak mempunyai alamat atau sebarang kaitan sama sekali dengan kawasan baru itu, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan itu jelas membuktikan bahawa usaha memindahkan nama pengundi ke kawasan lain oleh pihak tertentu telah lama berlaku.

"Sebab itulah terdapat jumlah pengundi berdaftar yang besar, yang bukannya merupakan pengundi di sesebuah kawasan itu dan mempunyai alamat yang tidak sama dengan apa yang tertera pada kad pengenalan mereka," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Konvensyen Barisan Nasional (BN) peringkat negeri di Kompleks Sukan Balik Pulau, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pendedahan yang dibuat Timbalan Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Dr Hilmi Yahaya bahawa terdapat kira-kira 500 pengundi yang tidak dikenali didaftarkan di kawasan Telok Bahang manakala 700 pengundi di situ pula telah dipindahkan ke kawasan yang lain oleh orang tertentu.

Hilmi berkata 500 pengundi itu mungkin menentang BN sedangkan 700 pengundi yang terkeluar namanya daripada kawasan itu merupakan penyokong setia BN.

Dr Mahathir menyifatkan tindakan memindahkan pengundi berdaftar di sesebuah kawasan ke kawasan lain yang tiada kena mengena dengan mereka sebagai satu penipuan besar yang dilakukan pihak tertentu termasuk parti pembangkang.

Katanya pendaftaran pengundi sepatutnya dibuat mengikut alamat seperti yang tertera di dalam kad pengenalan masing-masing atau mengikut tempat dia bekerja atau mempunyai harta.

Sebagai contoh, walaupun beliau tinggal dan bekerja di Putrajaya, beliau tetap mengundi di Titi Gajah, Kedah kerana beliau memang berasal dari situ dan mempunyai rumah di sana.

Beliau berkata pemindahan itu yang dibuat tanpa pengetahuan pengundi akan menimbulkan kesulitan apabila tiba hari mengundi nanti.

"Parti lawan akan memindahkan penyokong mereka daripada kawasan yang dijangka tidak mungkin dapat dimenangnya ke kawasan marginal, iaitu kawasan yang mereka kalah sedikit sahaja, untuk membantu kemenangan calonnya.

"Dalam masa yang sama, di kawasan yang mereka kalah sedikit sahaja tanpa diketahui pengundi, mereka pindah pengundi ke kawasan lain. Contohnya, kalau kawasan itu ada orang Cina, mereka pindahkan ke kawasan lain supaya tidak boleh bagi kemenangan kepada BN. Inilah penipuan besar yang dibuat oleh parti lawan," katanya.

Dr Mahathir berkata kegiatan memindahkan pengundi berdaftar banyak berlaku di kawasan yang dikuasai pembangkang dan juga di Kedah, termasuk di kawasannya sendiri, Parlimen Kubang Pasu.

"Kawasan saya hilang 2,000 pengundi dan mereka bukan penyokong saya dan mereka pindah ke kawasan berdekatan," katanya.

Ketika menjawab soalan pemberita sama ada terdapat kemungkinan pemindahan pengundi itu dilakukan oleh "orang dalam" di Suruhanjaya

Pilihanraya (SPR) yang bersekongkol dengan parti pembangkang, beliau berkata: "mungkin" .

Katanya kajian akan dibuat untuk menentukan bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang belot ini.

-- BERNAMA

ZU SA RON